

13 APRIL 2017

2 ditahan, dadah RM1.8j dalam beg sandang dirampas



nombor

mengandungi 180,000 pil kuda ditemui

dadah jenis Methamphetamine turut ditemui

[FOTO RAVALE SAVARINATHAN/BH]

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Wan Hassan Wan Ahmad (tengah) menunjukkan rampasan dadah dalam serbuan di Felda Gunung Besout 2, Sungkai, awal pagi kelmarin.

2 ditahan, dadah RM1.8j dalam beg sandang dirampas

→ 20.3kg pil kuda ditemui dalam serbuan di sebuah rumah

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Farah Suhaidah Osman
bhnews@bh.com.my

► Sungkai

Polis menahan dua lelaki dan merampas dadah sebahagian besarnya pil kuda dianggarkan seberat 20.3 kilogram (kg) bernilai kira-kira RM1.8 juta dalam serbuan di sebuah rumah di Felda Gunung Besout 2, di sini, kelmarin.

Serbuan dilakukan pada jam 2 pagi oleh sepasukan pegawai dan anggota polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muallim.

Ketika serbuan, suspek pertama penyelia ladang berusia 35 yang mengaku tuan rumah dan suspek ke-

dua seorang peniaga berusia 36 tahun berada di dalam rumah berkenaan.

Beg sandang berisi serbuk

Pemeriksaan dalam bilik di rumah itu menemukan beg sandang mengandungi tiga paket plastik lutsinar berisi serbuk dan ketulan kristal disyaki dadah jenis Methamphetamine anggaran berat 8.70 gram dan satu paket plastik lutsinar berisi 22 pil bertulis 'WY' disyaki pil kuda.

Pemeriksaan di satu lagi bilik pula menemui 90 bungkusan mengandungi 180,000 pil sama dianggarkan seberat 20.3 kg.

Difahamkan, suspek turut positif dadah disiasat mengikut Seksyen 39B, Seksyen 39A(1), Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

